

**HERENG PARUH PANJANG**  
Long-billed Vulture

FAMILI: Accipitrinae  
NAMA SAINTIFIK: *Gyps indicus*

**CIRI-CIRI**

Bagi burung dewasa sub-spesies *G.i.tenuirostris*, kombinasi perwarnaan adalah kebanyakannya coklat pasir pada bahagian badan dan bulu pada sayap yang kontras dengan bahagian kepala dan leher yang botak dan kehitaman. Ia juga mempunyai paruh hitam yang panjang, bulu pada dasar leher yang berwarna putih, bahagian belakang dan tongkeng yang juga berwarna putih, bahagian sayap yang berwarna gelap, dan bahagian kaki dan tapak kaki yang berwarna kekelabuan gelap. Panjang keseluruhan spesies ini adalah 80.0-95.0 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan bangkai haiwan yang mati.

**HABITAT**

Burung ini boleh dilihat di kawasan terbuka dan kawasan tanah rendah.

**BUNYI**

Masih belum ada rekod untuk dirujuk.

**PEMBIAKAN**

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Oktober hingga Mac setiap tahun dengan burung betina menghasilkan sebiji telur di dalam sarang yang dibina pada pinggir berbatu atau di atas pokok.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.